

SIARAN MEDIA

NRES KOLABORASI STRATEGIK ANJUR PAMERAN SENI BERTEMAKAN ESG BERMULA 18 APRIL 2025

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dengan kolaborasi strategik Art Market Malaysia dan Express Link Rail Sdn. Bhd. (ERL) akan menganjurkan pameran seni bertemakan ESG (Alam Sekitar, Sosial & Tatakelola) di Balai Ketibaan KLIA Ekspres, KL Sentral bermula 18 April hingga 5 Mei 2025.

Pameran ini diadakan bertujuan untuk mempromosikan kesedaran orang awam mengenai ESG melalui karya seni dan inovasi kreatif. Ia mengetengahkan pelbagai bentuk seni yang mengangkat nilai ESG dengan lebih daripada 100 pelukis termasuk pelukis kurang upaya mempamerkan hasil karya mereka melalui pelbagai medium antaranya:

- a) Seni Visual: melalui lukisan dan ilustrasi yang mengangkat isu kelestarian, perubahan iklim, dan kesedaran sosial;
- b) Kraftangan: melalui produk buatan tangan berasaskan bahan lestari dan mesra alam;
- c) Bahan buangan: melalui karya seni yang dihasilkan menggunakan bahan kitar semula seperti plastik, kaca, kayu terpakai, dan fabrik lama; dan
- d) Seni arca: melalui arca interaktif yang mencerminkan kepentingan pemuliharaan alam sekitar dan tanggungjawab sosial.

Penganjuran pameran ini juga merupakan salah satu advokasi Kementerian mengenai kesedaran amalan lestari dalam konteks ESG dalam kehidupan. Pelbagai perkhidmatan dan kempen dibawa oleh 14 Jabatan dan Agensi di bawah NRES antaranya kempen penghijauan Malaysia, kempen Selamatkan Harimau Malaya, konservasi hidupan liar, publisiti produk eko-pelancongan, kempen gaya hidup lestari, kenali

mineral dan galian, demonstrasi lestari dan sesi perkongsian bersama pengunjung turut diadakan.

Pameran ini turut mendapat penyertaan daripada sektor korporat dan usahawan sosial. Kolaborasi antara kerajaan dan sektor swasta memainkan peranan penting dalam mempromosikan dan menyebarkan kelestarian alam sekitar, sosial dan ekonomi. Ia juga dapat memacu kempen ESG ke peringkat yang lebih tinggi.

Sebagai hab pengangkutan utama di Malaysia, ERL KL Express, operator perkhidmatan KLIA Ekspres dan KLIA Transit juga bekerjasama sebagai lokasi pameran bagi menarik perhatian masyarakat urban dan pelancong antarabangsa, sekaligus memperluaskan impak kempen ESG kepada khalayak lebih luas.

Pameran ini dibuka kepada semua pengunjung dan masuk adalah percuma. Pelbagai aktiviti menarik menanti dengan hadiah-hadiah menarik yang bakal dibawa pulang menerusi pelbagai pertandingan yang dianjurkan. Sama sama kita jayakan kempen ESG melalui Pameran Seni Bertemakan ESG pada April ini.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

7 APRIL 2025